



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: [aduan@rurallink.gov.my](mailto:aduan@rurallink.gov.my) | [webmaster@rurallink.gov.my](mailto:webmaster@rurallink.gov.my)

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

# **E-KERATAN AKHBAR HARIAN**

**TARIKH : 3-4 MEI 2021**

**RUJUKAN : KPLB.100/2/1/3 (35)**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

 [www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)

 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

 [kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)

 [kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)

 [kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)



## JKKK Parlimen Lipis terima komputer riba, mesin pencetak

**LIPIS** - Sebanyak 70 unit komputer riba dan 70 mesin pencetak jenama Epson dengan nilai RM231,000 diedarkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung (JKKK) Parlimen Lipis.

Kemudahan itu disampaikan oleh Timbalan Menteri 1, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad di Dewan Dato Haji Omar Othman, Wisma UMNO Lipis pada Jumaat.

Turut berlangsung penyerahan sumbangan Aidilfitri bernilai RM61,000 kepada 122 penerima.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Lipis memberitahu, beberapa siri sumbangan akan diteruskan termasuk kepada kumpulan bersasar yang memerlukan sepanjang Ramadan ini.

“Antaranya 1,500 keluarga membabitkan tiga Dewan Un-

Antaranya 1,500 keluarga membabitkan tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Padang Tengku, Cheka dan Benta dengan nilai peruntukan sebanyak RM150,000.”

dangan Negeri (DUN) iaitu Padang Tengku, Cheka dan Benta dengan nilai peruntukan sebanyak RM150,000.

“Ada yang kami sampaikan dengan hanya berjalan kaki dari rumah ke rumah yang secara tidak langsung dapat berziarah dan melihat keperluan lain di kediaman penduduk,” katanya pada pemberita dalam sidang



Abdul Rahman (kanan) menyampaikan sumbangan komputer riba dan mesin pencetak kepada Pengerusi JKKK di Parlimen Lipis.

akhtar.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Tengku, Datuk Mustapa Long dan Pengerusi JKKK Parlimen Lipis, Datuk Zulkifli Othman.

Sementara itu, Pengerusi JKKK Kampung Relong, Is-

hak Mohamed berkata, pemberian komputer riba dan mesin pencetak itu dapat melicinkan lagi pentadbiran JKKK tersebut.

Menurutnya, sumbangan mesin pencetak itu akan menjadi kegunaan penduduk bagi urusan salinan sebarang do-

kumen tanpa perlu ke bandar.

Pengerusi JKKK Kampung Merapoh, Mohd Podzi Mat Salleh menghargai usaha itu yang dapat meringankan beban JKKK terlibat yang dapat melancarkan sebarang urusan khususnya pentadbi-

**TARIKH:**

**3 MEI 2021**

**HALAMAN:**

**ONLINE**

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1958237>



Mohon kebenaran JAKOA sebelum masuk kampung Orang Asli



KUALA LUMPUR, 3 Mei -- Semua individu, kumpulan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) terlebih dahulu sebelum melaksanakan program khidmat masyarakat atau menghantar bantuan ke perkampungan Orang Asli.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad dalam kenyataan hari ini memaklumkan perkara itu adalah selaras dengan Seksyen 14 dan Seksyen 15, Akta 134, Akta Orang Asli 1954.

Jelasnya ia susulan terdapat beberapa individu dan NGO yang masuk ke perkampungan Orang Asli untuk melaksanakan program berbuka puasa dan menghantar bantuan tanpa kebenaran, malah ada yang datang dari kawasan zon merah COVID-19.

Abdul Rahman berkata selain melanggar arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN), perkara itu juga dikhuatiri membawa risiko penularan pandemik COVID-19 ke perkampungan Orang Asli.

"Justeru, JAKOA memohon agar semua individu, kumpulan dan NGO dapat akur dengan arahan ini lebih-lebih lagi ketika negara sedang mencatatkan rekod penularan pandemik COVID-19 yang tinggi," katanya.

JAKOA turut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang prihatin kerana telah berganding bahu dengan jabatan itu untuk membantu masyarakat Orang Asli dalam menyampaikan bantuan kebajikan, namun menekankan bahawa aspek keselamatan menjadi perkara utama perlu dititikberatkan.

-- BERNAMA



TARIKH:

4 MEI 2021

HALAMAN:

19

ONLINE

Utusan  
MALAYSIA

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報   
NANYANG SHANG PAO

東方日報   
Oriental Daily News

Utusan  
Borneo

THE BORNEO POST

NEW SABAH  
TIMES   
Sabah's First Established Paper

# Dapatkan izin JAKOA masuk kampung Orang Asli

**Kuala Lumpur:** Semua individu, kumpulan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sebelum melaksanakan program khidmat masyarakat atau menghantar bantuan ke perkampungan Orang Asli.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, memaklumkan perkara itu selaras Seksyen 14 dan Seksyen 15, Akta 134, Akta Orang Asli 1954.

Katanya, ia susulan terdapat individu dan NGO masuk ke perkampungan Orang Asli untuk program berbuka puasa dan menghantar bantuan tanpa kebenaran, malah ada datang dari kawasan Zon Merah COVID-19.

Abdul Rahman berkata, perkara itu juga dikhawatiri membawa risiko penularan COVID-19 ke perkampungan Orang Asli.

"JAKOA memohon semua individu, kumpulan dan NGO akur arahan ini," katanya dalam kenyataan, semalam. BERNAMA